

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai pada jam 1200, hari Jumaat, 10 Disember 2021



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BAGI PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, MALAYSIA, OKTOBER 2021

**Jualan Perdagangan Borong & Runcit Malaysia capai semula paras
pra-pendamik dengan RM116.4 bilion pada Oktober 2021, meningkat
5.4 peratus tahun ke tahun**

PUTRAJAYA, 10 DISEMBER 2021 – Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit Malaysia melantun semula 5.4 peratus tahun ke tahun kepada RM116.4 bilion pada Oktober 2021, mencapai paras tertinggi yang pernah direkodkan seperti yang dilaporkan hari ini dalam **PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, OKTOBER 2021**. Laporan ini juga memaparkan statistik nilai jualan dan indeks volum bagi Perdagangan Borong & Runcit mengikut subsektor.

Dalam satu kenyataan pada hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Peningkatan dalam Perdagangan Borong & Runcit disumbangkan oleh subsektor Perdagangan Borong yang terus mencatat pertumbuhan positif sebanyak 4.4 peratus atau RM2.4 bilion kepada RM55.8 bilion pada Oktober 2021. Perdagangan Runcit juga berkembang 5.1 peratus atau

RM2.3 bilion kepada RM46.5 bilion. Dalam tempoh yang sama, Kenderaan Bermotor kembali positif dengan 10.2 peratus atau RM1.3 bilion kepada RM14.2 bilion, selepas beberapa siri pertumbuhan negatif dua digit sejak Jun 2021. Bagi perbandingan bulan ke bulan, nilai jualan Perdagangan Borong & Runcit meningkat 7.7 peratus, disokong oleh pembukaan semula pelbagai sektor ekonomi dan juga kebenaran rentas negeri bermula 11 Oktober 2021.”

Beralih kepada prestasi mengikut subsektor, Ketua Perangkawan memaklumkan, “Pertumbuhan subsektor Perdagangan Borong sebanyak 4.4 peratus pada Oktober 2021 disokong oleh Jualan Borong Makanan, Minuman & Tembakau yang meningkat 10.6 peratus atau RM1.1 bilion kepada RM11.2 bilion. Ini diikuti oleh Lain-lain Pengkhususan Jualan Borong dengan 5.1 peratus untuk mencatatkan RM22.1 bilion. Jualan Borong Bahan Mentah Pertanian & Haiwan Hidup juga meningkat 13.1 peratus kepada RM4.7 bilion, didorong oleh harga komoditi yang lebih tinggi. Untuk perbandingan bulan ke bulan, jualan subsektor ini meningkat 5.3 peratus.”

Mengulas lebih lanjut mengenai subsektor Perdagangan Runcit, kenaikan 5.1 peratus disumbangkan oleh Jualan Runcit di Kedai Bukan Pengkhususan yang mencatatkan peningkatan 8.2 peratus atau RM1.3 bilion kepada RM17.2 bilion. Kumpulan lain dalam subsektor ini yang turut mencatat pertumbuhan positif ialah Jualan Runcit Bahan Api Kenderaan 17.8 peratus, Jualan Runcit Makanan, Minuman & Tembakau 8.7 peratus, Jualan Runcit Barangan Isi Rumah 3.8 peratus, Jualan Runcit Bukan di Kedai, Gerai atau Pasar 28.6 peratus, Jualan Runcit Barangan Kesenian & Rekreasi 4.8 peratus, Jualan Runcit Kelengkapan Informasi & Komunikasi 0.6 peratus dan Jualan Runcit di Gerai & Pasar 11.4 peratus. Walau bagaimanapun, Jualan Runcit di Kedai Pengkhususan masih negatif untuk bulan kelima berturut-turut dengan -3.9 peratus. Bagi perbandingan bulanan, Perdagangan Runcit meningkat 4.8 peratus dengan semua kumpulan dalam subsektor ini mencatatkan pertumbuhan positif.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menerangkan, "Pertumbuhan 10.2 peratus dalam subsektor Kenderaan Bermotor bulan ini disumbangkan oleh Jualan Kenderaan Bermotor yang meningkat semula 25.5 peratus atau RM1.8 bilion kepada RM9.1 bilion. Ini diikuti oleh Jualan, Penyelenggaraan & Pembaikan Motosikal dengan 1.2 peratus untuk mencatatkan RM1.1 bilion. Sebaliknya, Jualan Alat Ganti & Aksesori Kenderaan Bermotor dan Penyelenggaraan & Pembaikan Kenderaan Bermotor terus mencatatkan pertumbuhan negatif masing-masing -12.3 peratus dan -11.9 peratus. Pada asas sebulan, jualan subsektor ini meningkat 31.2 peratus, didorong oleh Jualan Kenderaan Bermotor yang mencatatkan 40.2 peratus."


Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin seterusnya memaklumkan, "Indeks jualan runcit melalui internet merekodkan pertumbuhan 24.6 peratus tahun ke tahun (September 2021: 18.1 peratus). Bagi nilai pelarasan musim, indeks ini meningkat 0.6 peratus berbanding bulan sebelum."

Manakala bagi indeks volum, Perdagangan Borong & Runcit mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 1.3 peratus. Ketua Perangkawan turut memaklumkan bahawa pengembangan itu disumbangkan oleh Kenderaan Bermotor yang meningkat 7.0 peratus, diikuti oleh Perdagangan Runcit dengan 2.2 peratus. Bagaimanapun, Perdagangan Borong mencatatkan pertumbuhan negatif -1.2 peratus. Sementara itu, indeks volum pelarasan musim meningkat 5.9 peratus bulan ke bulan.


Ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh Penduduk Malaysia termasuk bukan warganegara yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020. Bagi mereka yang masih belum berkesempatan mengisi borang soal selidik bancian, sila hubungi DOSM ditalian 1-800-88-7720 untuk maklumat lanjut. Survei Penilaian Liputan Banci (SPLB) bagi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia

2020) sedang dilaksanakan sepanjang November dan Disember 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam aktiviti yang dijalankan Banci Malaysia 2020 kerana "Data Anda Masa Depan Kita". Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

**Carta 1: Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit,
Januari 2019 - Oktober 2021**



**Carta 2: Indeks Jualan Runcit Melalui Internet,
Januari 2019 - Oktober 2021**



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

10 DISEMBER 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hours, Friday, December 10, 2021



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
FOR PERFORMANCE OF WHOLESALE & RETAIL TRADE, MALAYSIA,
OCTOBER 2021

Malaysia's Wholesale & Retail Trade sales regained its pre-pandemic level at RM116.4 billion in October 2021, an increase of 5.4 per cent year-on-year

PUTRAJAYA, DECEMBER 10, 2021 – Sales of Wholesale & Retail Trade Malaysia rebounded 5.4 per cent year-on-year to RM116.4 billion in October 2021, regained the highest level seen on record as reported today in ***PERFORMANCE OF WHOLESALE & RETAIL TRADE, OCTOBER 2021***. This report also presents statistics on sales value and volume index of Wholesale & Retail Trade by sub-sector.

In a statement today, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "The increase in Wholesale & Retail Trade was attributed to Wholesale Trade sub-sector which continued to record a positive growth of 4.4 per cent or RM2.4 billion to register RM55.8 billion in October 2021. Retail Trade also expanded 5.1 per cent or RM2.3 billion to RM46.5 billion. Within the same period, Motor Vehicles bounced back 10.2 per cent or RM1.3 billion to RM14.2 billion, after a series of double-digit negative growths since June 2021. For month-on-month

comparison, sales value of Wholesale & Retail Trade increased 7.7 per cent, supported by the reopening of various economic sectors and interstate travels were allowed to resume from 11 October 2021.”

Looking at the performance across sub-sectors, the Chief Statistician informed, “The Wholesale Trade sub-sector growth of 4.4 per cent in October 2021 was supported by Wholesale of Food, Beverages & Tobacco which grew 10.6 per cent or RM1.1 billion to RM11.2 billion. This was followed by Other Specialised Wholesale with 5.1 per cent to record RM22.1 billion. Similarly, Wholesale of Agricultural Raw Materials & Live Animals also increased 13.1 per cent to RM4.7 billion, driven by higher commodity prices. For month-on-month comparison, sales of this sub-sector went up 5.3 per cent.”

Commenting further on Retail Trade sub-sector, the increase of 5.1 per cent was attributed to Retail Sales in Non-specialised Stores which registered an increase of 8.2 per cent or RM1.3 billion to RM17.2 billion. Likewise, other group in this sub-sector also recorded positive growth namely Retail Sales of Automotive Fuels 17.8 per cent, Retail Sales of Food, Beverages & Tobacco 8.7 per cent, Retail Sales of Household Goods 3.8 per cent, Retail Sales Not in Stores, Stalls or Market 28.6 per cent, Retail Sales of Cultural & Recreation Goods 4.8 per cent, Retail Sales of Information & Communication Equipment 0.6 per cent, and Retail Sales in Stalls & Market 11.4 per cent. However, Retail Sales in Specialised Stores remained negative for fifth consecutive month to record -3.9 per cent. For monthly comparison, Retail Trade went up 4.8 per cent with all groups in this sub-sector posted positive growth.

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also informed, “The 10.2 per cent growth in Motor Vehicles sub-sector this month was attributed to Sales of Motor Vehicles which rebounded 25.5 per cent or RM1.8 billion to RM9.1 billion. This was followed by Sales, Maintenance & Repair of Motorcycles with 1.2 per cent to record


RM1.1 billion. On the other hand, Sales of Motor Vehicles Parts & Accessories and Maintenance & Repair of Motor Vehicles continued to record negative growths of -12.3 per cent and -11.9 per cent, respectively. On a monthly basis, sales of this sub-sector elevated 31.2 per cent, spearheaded by Sales of Motor Vehicles which registered 40.2 per cent.”

Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also went on to note that, “Index of retail sale over the internet recorded 24.6 per cent growth year-on-year (September 2021: 18.1 per cent). For seasonally adjusted value, the index edged up 0.6 per cent as against the previous month.”


In terms of volume index, Wholesale & Retail Trade registered a year-on-year growth of 1.3 per cent. The Chief Statistician added that the expansion was attributed to Motor Vehicles which rose 7.0 per cent, followed by Retail Trade with 2.2 per cent. However, Wholesale Trade recorded a negative growth of -1.2 per cent. Meanwhile, seasonally adjusted volume index went up 5.9 per cent month-on-month.

Thank you and highest appreciation to all Malaysians, including non-citizens, who have given their full support and cooperation in making the Malaysia Census 2020 a success. For those who have not yet had the opportunity to fill out the census questionnaire, please contact DOSM at 1-800-88 -7720 for further information. Post Enumeration Survey (PES) for Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is ongoing in November and December 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate the said activities of Malaysia Census 2020 because "Your Data is Our Future". Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

**Chart 1: Sales Value of Wholesale & Retail Trade,
January 2019 – October 2021 (RM Billion)**



**Chart 2: Index of Retail Sale Over the Internet,
January 2019 – October 2021**



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

10 DECEMBER 2021